

04 JANUARI 2018

## Geng Ayah Non tumpas

# Geng Ayah Non *tumpas*

MUHAMMAD AFHAM RAMLI

**KUALA LUMPUR** - Sanggup berulang ke utara tanah air menaiki bas ekspres dengan membawa 50 hingga 60 kilogram (kg) daun ketum untuk jualan di sekitar Lembah Klang.

Modus operandi sindiket dikenali sebagai geng 'Ayah Non' itu bagaimanapun terbongkar dalam serbuan di sebuah rumah di Setapak, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim berkata, operasi khas polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Wangsa Maju dijalankan kira-kira jam 3.45 petang berjaya menahan empat lelaki berusia 21 hingga 56 tahun.

Menurutnya, pemeriksaan di rumah itu membawa kepada rampasan 69 bungkus plastik daun ketum, 217 bungkus air ketum dan sebuah besen berisi kira-kira 20 kg daun ketum.

"Kita percaya rumah yang



Mazlan (tengah) menunjukkan bungkus air ketum yang dirampas.

disewa RM1,300 sebulan dijadikan tempat pemrosesan dan pembungkusan air ketum. Daun ketum yang diproses ini dijual kepada ejen secara individu dengan harga RM10 sebungkus (1 liter)," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, semalam.

Menurut Mazlan, sindi-

ket yang dipercayai aktif sejak tiga bulan ini mengaut untung kira-kira RM20,000 sebulan dan bekalan diperoleh di utara tanah air.

Katanya, semakan mendapati suspek berasal dari utara tanah air dan tiga daripada mereka berperanan sebagai 'tukang masak' air ketum.

"Semakan mendapati dalang sindiket ini iaitu 'Ayah Non' memiliki enam rekod lampau bersabit kes dadah dan jenayah.

"Kesemua suspek kini direman tujuh hari sehingga Ahad ini bagi membantu dan kes disiasat mengikut Seksyen 30(3) Akta Racun 1952," katanya.